

Kerajaan agih RM130 juta lindungi habitat harimau

Oleh **MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN**

fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan Persekutuan mengagihkan sebanyak RM130 juta kepada kerajaan negeri melalui program Pemindahan Fiskal Ekologi untuk Pemuliharaan Biodiversiti (EFT) sejak 2019.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, insentif berkenaan bertujuan untuk melindungi dan mengembangkan habitat harimau di negara ini.

“Aspek pelaksanaan pemuliharaan harimau adalah mahal. Oleh itu, sumber teknikal mencukupi dan kewangan yang



ISMAIL SABRI YAAKOB

banyak diperlukan untuk melaksanakannya secara berkesan.

“Oleh itu, adalah penting untuk sumber mobilisasi dan mekanisme kewangan yang

maman dilaksanakan,” kata beliau ketika berucap dalam Persidangan Menteri Asia Keempat Mengenai Pemuliharaan Harimau (AMC4) di ibu negara semalam.

Ucapan itu dirakam sehari sebelumnya di Parlimen, pukul 12 tengah hari kelmarin.

Hadir sama dalam program itu ialah Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Taqiyuddin Hassan merangkap Pengerusi AMC4 dan Menteri Pertanian dan Hutan Bhutan yang juga Pengerusi Forum Harimau Global, Lyonpo Yeshey Penjor.

Mengulas lanjut, kata Ismail Sabri, Malaysia sudah mengambil peranan untuk pemeliharaan

harimau dan pemuliharaan biodiversiti secara serius di peringkat antarabangsa.

Ismail Sabri antara lain berbangga menjadi pihak dalam senarai luas biodiversiti berkaitan konvensyen pelbagai hala termasuk Konvensyen mengenai Biologi Kepelbagaian (CBD) dan Konvensyen Perdagangan Antarabangsa dalam Spesies Liar Flora dan Fauna (CITES).

“Negara juga bekerjasama dengan pelbagai agensi antarabangsa untuk memerangi perdagangan hidupan liar haaram termasuk Kumpulan Kerja ASEAN dan Penguatkuasaan Hidupan Liar (AWG CITES & WE) dan Polis Antarabangsa (Interpol),” katanya.